



DomPok

UMS lahir daripada hubungan baik KL, Sabah

— Najib

KOTA KINABALU: Kejayaan membina Universiti Malaysia Sabah (UMS) — universiti kesembilan di negara ini merupakan hasil daripada hubungan baik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, UMS yang juga singkatan bagi "Untuk Mu Sabah" seharusnya menjadi kebanggaan bagi rakyat negara ini khususnya Sabah kerana pembinaannya menggunakan hampir sepenuhnya kepakaran rakyat Malaysia.

Pembinaan UMS juga adalah bukti bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah memungkiri janji kepada rakyat, kata Najib ketika berucap pada majlis perjumpaan Dr Mahathir dengan para akademik dan penuntut UMS di kampus tetapnya di Teluk Sepanggar, 15 minit perjalanan dari sini.

Pada Januari 1994 sebelum pilihan raya negeri Dr Mahathir berjanji kerajaan akan membina sebuah universiti di Sabah sekiranya rakyat Sabah memilih Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya itu.

Pembinaan kampus itu bermula pada 1995 di kawasan seluas 400 hektar di Teluk Sepanggar membabitkan kos sebanyak RM527.7 juta dan kini separuh siap.

20 FEBRUARI 1999
DAILY EXPRESS

Najib juga menyifatkan lokasi UMS yang kini menempatkan seramai 3,000 penuntut, sebagai yang tercantik di negara ini dengan kampus itu yang dijangka siap sepenuhnya pada 2005, menghadap Laut China Selatan dan berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu.

Sementara itu, ketika menyambut baik kunjungan Dr Mahathir ke UMS, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata, konvoesyen pertama UMS dijangka diadakan tahun ini membabitkan 629 siswazah daripada dua pengambilan.

UMS dijangka mempunyai 5,000 penuntut menjelang pertengahan tahun ini serta lapan sekolah akademik dan 40 disiplin ilmu.

Mengenai kerusi bahasa Kadazandusun di UMS yang dipersetujui penubuhannya oleh Najib minggu lepas, Abu Hassan berkata penubuhan kerusi itu akan memungkinkan penumpuan kajian etnografi dan linguistik, bahasa dan budaya Kadazandusun.